

Pengajaran dalam institusi pengajian tinggi

Abstrak

Konsep pengajaran adalah berkait rapat dengan konsep pembelajaran dan, pembelajaran selalunya berlaku selepas sesuatu pengajaran (Fenstermacher, 1986). Adalah dipercayai bahawa pengajaran menyebabkan pembelajaran, tetapi ada kalanya pengajaran tidak menghasilkan pembelajaran kepada seseorang. Menurut Fenstermacher (1986), pengajaran adalah sesuatu tindakan yang membolehkan pelajar melaksanakan tugas pembelajaran, manakala istilah ‘pembelajaran’ membawa dua makna iaitu pertama, tugasan sebenar melakukan pembelajaran dan kedua, ialah pencapaian yang dikaitkan dengan proses yang telah dialami oleh seseorang. Daripada definisi Fenstermacher dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pengajaran adalah berkaitan mengajar pelajar bagaimana untuk belajar.